

PERLEMBAGAAN GBBM

| | |
|----------|---|
| Fasal 1 | Nama |
| Fasal 2 | Alamat dan tempat urusan |
| Fasal 3 | Tafsiran |
| Fasal 4 | Objektif dan matlamat |
| Fasal 5 | Logo |
| Fasal 6 | Keahlian |
| Fasal 7 | Yuran keahlian |
| Fasal 8 | Tanggungjawab dan hak ahli |
| Fasal 9 | Pemberhentian dan pemecatan ahli |
| Fasal 10 | Peringkat pentadbiran Pertubuhan Belia |
| Fasal 11 | Penubuhan Pertubuhan Belia bahagian Negeri, Daerah dan Cawangan |
| Fasal 12 | Mesyuarat Agung Tahunan |
| Fasal 13 | Mesyuarat Agung Khas |
| Fasal 14 | Jawatankuasa Kerja |
| Fasal 15 | Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja |
| Fasal 16 | Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa Kerja |
| Fasal 17 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja |
| Fasal 18 | Kewangan |
| Fasal 19 | Juruaudit |
| Fasal 20 | Penasihat |
| Fasal 21 | Tafsiran Undang-undang |
| Fasal 22 | Pertikaian dalaman |
| Fasal 23 | Pentadbir harta benda dan pemegang amanah |
| Fasal 24 | Kad keahlian |
| Fasal 25 | Pengundian |
| Fasal 26 | Pindaan Perlembagaan |
| Fasal 27 | Larangan |
| Fasal 28 | Pembubaran |
| Fasal 29 | Perkara am |
| Fasal 30 | Tafsiran |

PERLEMBAGAAN GBBM

FASAL 1 NAMA

Pertubuhan Belia ini dikenali sebagai Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia atau ringkasnya GBBM di dalam Perlembagaan ini.

FASAL 2 ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

- 2.1 Alamat Pos Berdaftar
Alamat pos berdaftar Pertubuhan Belia ialah di:
- No.8, Jalan Cempaka 14,
Taman Cempaka,
68000 Ampang, Selangor.
- 2.2 Alamat Urusan Berdaftar
Alamat urusan berdaftar Pertubuhan Belia ialah di:
- No.8, Jalan Cempaka 14,
Taman Cempaka,
68000 Ampang, Selangor.
- 2.3 Alamat pos berdaftar dan alamat urusan berdaftar ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Jawatankuasa Kerja dan hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia.

FASAL 3 TAFSIRAN

- 3.1 “Pertubuhan Belia” ertinya Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia.
- 3.2 “Mesyuarat Agung Tahunan” ertinya mesyuarat yang wajib diadakan oleh Pertubuhan Belia ini pada tiap-tiap tahun seperti yang disebutkan dalam fasal 12 Perlembagaan ini.
- 3.3 “Jawatankuasa Kerja” ertinya badan pengelola bagi Pertubuhan Belia seperti yang disebutkan dalam fasal 14 Perlembagaan ini.
- 3.4 “Pejabat” ertinya alamat urusan berdaftar Pertubuhan Belia seperti yang ditetapkan dalam fasal 2 Perlembagaan ini.
- 3.5 “Ahli” ertinya ahli atau anggota Pertubuhan Belia seperti yang disebutkan dalam fasal 6 Perlembagaan ini.
- 3.6 “Pendaftar Pertubuhan Belia” ertinya Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia yang dilantik di bawah subseksyen 4(1) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

FASAL 4 OBJEKTIF DAN MATLAMAT

- 4.1 Untuk menyatupadukan belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun.
- 4.2 Untuk membina belia yang berakhlak tinggi dan seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, dan Sosial.

- 4.3 Untuk meningkatkan semangat persahabatan dan persefahaman di antara ahli-ahli tanpa mengira bangsa dan agama.
- 4.4 Untuk menggalakkan belia menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan.
- 4.5 Untuk meningkatkan kepimpinan belia demi pembangunan Negara.
- 4.6 Untuk menggalakkan belia mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan kebajikan yang bermanfaat kepada masyarakat, ahli-ahli pertubuhan dan Pertubuhan Belia.
- 4.7 Untuk menanam semangat kasih-sayang dan taat-setia kepada Negara.
- 4.8 Mewujudkan peluang kepada ahli-ahli terlibat dalam program latihan kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan.

FASAL 5 LOGO

Logo Pertubuhan Belia ini ialah daun padi berwarna hijau, atom berwarna biru dengan nukleus berwarna merah dan berlatar belakang putih.

FASAL 6 KEAHLIAN

- 6.1 Keahlian Pertubuhan Belia ini terbuka kepada belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dan terbahagi kepada dua (2) kategori seperti berikut:
 - (a) Ahli biasa

Terdiri daripada belia berwarganegara Malaysia yang berusia di antara 15 tahun hingga 40 tahun dan boleh mengundi serta diundi. Ahli-ahli yang mencapai umur 40 tahun akan terus menjadi ahli yang sah sehingga 31hb Disember pada tahun berkenaan.
 - a) Ahli Seumur Hidup

Terdiri daripada belia berwarganegara Malaysia. Hanya mereka yang berusia di antara 15 tahun hingga 40 tahun boleh mengundi serta diundi dan mendapat kemudahan seperti ahli biasa.
- 6.2 Semua permohonan menjadi ahli Pertubuhan Belia ini hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengisi borang dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat. Jawatankuasa Kerja Pusat boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi alasan.
- 6.3 Seseorang pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Pertubuhan Belia ini kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti atau Kolej Universiti berkenaan.

FASAL 7 YURAN KEAHLIAN

- 7.1 Setiap ahli baru hendaklah membayar yuran pendaftaran dan yuran tahunan kepada Pertubuhan Belia ini seperti berikut:

| | Jenis Ahli | Yuran Pendaftaran (RM) | Yuran Tahunan (RM) | Catitan |
|---|-------------------|-------------------------------|---------------------------|---|
| a | Ahli Biasa | 1.00 | 2.00 | RM 1.00 dibayar kepada bendahari cawangan manakala RM 1.00 dibayar kepada Bendahari Pusat |
| b | Ahli Seumur Hidup | 100.00 | TIADA | RM 100.00 dibayar terus kepada Bendahari Pusat |

- 7.2 Yuran tahunan hendaklah dibayar kepada Bendahari Pusat sebelum atau pada 31 Disember tiap-tiap tahun. Sekiranya yuran itu tidak dibayar, ahli yang berkenaan tidak boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan tidak boleh mengundi dan diundi pada tahun berikutnya.
- 7.3 Sekiranya yuran tahunan tidak dijelaskan dalam tempoh satu (1) tahun tanpa alasan yang munasabah. Jawatankuasa Kerja Pusat berhak membatalkan keahlian ahli yang berkenaan.
- 7.4 Sekiranya ahli yang telah dibatalkan keahliannya ingin aktif semula, beliau dikehendaki mengemukakan permohonan baru dengan menyertakan bayaran yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Permohonan ini tertakluk kepada kelulusan seperti yang dinyatakan dalam fasal (6.2).

FASAL 8 TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI

- 8.1 Setiap ahli dibenarkan menyertai dalam segala kegiatan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Belia ini.
- 8.2 Setiap ahli bertanggungjawab mematuhi peraturan dan Perlembagaan Pertubuhan Belia ini pada setiap masa.
- 8.3 Setiap ahli bertanggungjawab untuk memelihara nama baik Pertubuhan Belia ini pada setiap masa.

FASAL 9 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 9.1 Mana-mana ahli Pertubuhan Belia yang membuat permohonan bertulis untuk berhenti menjadi ahli dan permohonannya itu diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat adalah dianggap sebagai telah berhenti menjadi ahli Pertubuhan Belia.
- 9.2 Setiap ahli Pertubuhan Belia yang didapati menjalankan sesuatu kegiatan yang bertentangan dengan Perlembagaan Pertubuhan Belia boleh dipecat atau diberhentikan keahliannya bagi sesuatu tempoh masa sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Kecil Displin atau sebarang Jawatankuasa Kecil lain yang sah dibentuk di bawah Perlembagaan ini. Sebelum tindakan sedemikian diambil, ahli itu hendaklah diberi peluang untuk membela diri. Pemberhentian atau pemecatan itu hendaklah dikuatkuasakan dari tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kecil berkenaan. Ahli yang terbabit boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan pemberhentian atau pemecatan tersebut. Jawatankuasa Kerja Pusat mempunyai kuasa samada untuk menerima, menolak atau membuat apa-apa keputusan yang lain berhubung dengan rayuan tersebut dan keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat tersebut adalah muktamad.

FASAL 10 PERINGKAT PENTADBIRAN PERTUBUHAN BELIA

- 10.1 Pentadbiran Pertubuhan Belia ini terbahagi kepada peringkat-peringkat seperti berikut:
- (a) Jawatankuasa Kerja Pusat
 - (b) Jawatankuasa Kerja Negeri
 - (c) Jawatankuasa Kerja Daerah
 - (d) Jawatankuasa Kerja Cawangan
- 10.2. Jawatankuasa Kerja Pusat menjalankan pentadbiran hal ehwal Ibu Pejabat Pertubuhan Belia; Jawatankuasa Kerja Negeri menjalankan pentadbiran hal ehwal Pertubuhan Belia di peringkat Negeri; Jawatankuasa Kerja Daerah menjalankan pentadbiran hal ehwal Pertubuhan Belia di peringkat Daerah; dan Jawatankuasa Kerja Cawangan menjalankan Pentadbiran Belia hal ehwal Pertubuhan di peringkat Cawangan di bawah kuasa dan perintah Mesyuarat Agung Tahunan.
- 10.3 Tahun kewangan pertubuhan setiap tahun berakhir pada 31 Disember.

FASAL 11 PENUBUHAN PERTUBUHAN BELIA BAHAGIAN NEGERI, DAERAH DAN CAWANGAN

- 11.1 Penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Negeri
- Jawatankuasa Kerja Pusat boleh membenarkan penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Negeri yang mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh (10) cawangan yang sah.
- 11.2 Penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Daerah
- Jawatankuasa Kerja Pusat boleh membenarkan penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Daerah yang mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) cawangan yang sah.
- 11.3 Penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Cawangan
- Jawatankuasa Kerja Pusat boleh membenarkan penubuhan Pertubuhan Belia Bahagian Cawangan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga puluh (30) ahli.

FASAL 12 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 12.1 Mesyuarat Agung Tahunan adalah badan yang tertinggi dan menyeluruh bagi Pertubuhan Belia ini berdasarkan kepada objektif dan matlamatnya.
- 12.2 Mesyuarat Agung Tahunan Pusat hendaklah diadakan tidak lewat dari tarikh 31 Julai untuk peringkat pusat, 31 Mei untuk peringkat Negeri, 30 April untuk peringkat Daerah dan 31 Mac untuk peringkat Cawangan tiap-tiap tahun. Sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis hendaklah diedarkan secara bertulis oleh Setiausaha Kehormat kepada perwakilan atau semua ahli Pertubuhan Belia.
- 12.3 Penangguhan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan selepas tarikh yang ditetapkan seperti dalam fasal 12.2 di atas memerlukan persetujuan daripada Jawatankuasa Kerja Pusat. Akan tetapi, tarikh penangguhan tidak boleh lewat daripada 31 Disember pada tahun yang sepatutnya mesyuarat tersebut mesti diadakan.

- 12.4 Tarikh dan Tempat Mesyuarat Agung Tahunan Negeri, Daerah dan Cawangan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja masing-masing dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat terlebih dahulu.
- 12.5 Korum Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihadiri oleh tidak kurang dari satu perdua (1/2) daripada bilangan keahlian atau perwakilan yang layak mengundi atau satu ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Kerja, berdasarkan kepada mana yang lebih rendah. Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam dari masa yang ditetapkan, maka Mesyuarat itu hendaklah ditunda kepada tarikh baru dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Sekiranya korum masih lagi tidak mencukupi pada tarikh baru mesyuarat itu, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat yang telah ditetapkan tetapi tidak berkuasa untuk meminda Perlembagaan Pertubuhan Belia.
- 12.6 Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada semua ahli dan Pendaftar Pertubuhan Belia salinan Penyata Tahunan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah selesainya mesyuarat tersebut.
- 12.7 Mesyuarat Agung Tahunan mestilah mengandungi antara lain agenda-agenda berikut:
- (a) Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas;
 - (b) Membincang perkara-perkara berbangkit daripadanya minit mesyuarat Agung Tahunan yang lepas.
 - (c) Menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa Kerja berkenaan kegiatan Pertubuhan Belia sepanjang tahun yang lepas.
 - (d) Menerima dan meluluskan Laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
 - (e) Memilih Jawatankuasa Kerja yang baru mengikut fasal 14 Perlembagaan ini dan melantik dua (2) orang juruaudit mengikut fasal 19 Perlembagaan ini setiap dua (2) tahun sekali.
 - (f) Membincang usul-usul yang dibangkitkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan semasa.
- 12.8 Mesyuarat Agung Tahunan Pusat terdiri daripada:
- (a) Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat.
 - (b) Sepuluh (10) orang perwakilan dari setiap Pertubuhan Belia peringkat Negeri yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Negeri masing-masing. Perwakilan yang dilantik mesti terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri.
 - (c) Dua (2) orang Perwakilan dari setiap Pertubuhan Belia peringkat Daerah yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Daerah masing-masing. Perwakilan yang dilantik mesti terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Daerah.
- 12.9 Mesyuarat Agung Tahunan Negeri terdiri daripada:
- (a) Dua (2) hingga lima (5) orang perwakilan daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat sebagai pemerhati.

- (b) Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri.
 - (c) Empat (4) orang perwakilan dari setiap Pertubuhan Belia peringkat Daerah yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Daerah masing-masing. Perwakilan yang dilantik mesti terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Daerah.
 - (d) Dua (2) orang perwakilan dari setiap Pertubuhan Belia peringkat Cawangan yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Cawangan masing-masing. Perwakilan yang dilantik mesti terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan..
- 12.10 Mesyuarat Agung Tahunan Daerah terdiri daripada:
- (a) Dua (2) hingga lima (5) orang perwakilan daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat sebagai pemerhati.
 - (b) Ahli Jawatankuasa Kerja Daerah.
 - (c) Lima (5) orang perwakilan dari setiap Pertubuhan Belia peringkat cawangan yang dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Cawangan masing-masing. Perwakilan yang dilantik mesti terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan.
- 12.11 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan terdiri daripada:
- (a) Dua (2) hingga lima (5) orang perwakilan daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri sebagai pemerhati.
 - (b) Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan.
 - (c) Ahli cawangan yang sah.

FASAL 13 MESYUARAT AGUNG KHAS

- 13.1 Mesyuarat Agung Khas bagi Pertubuhan Belia ini boleh diadakan:
- (a) Apabila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa Kerja atau dengan kehendak Presiden atau Pengerusi.
 - (b) Atas permintaan secara bertulis oleh tidak kurang daripada separuh (1/2) daripada jumlah ahli atau perwakilan yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya.
 - (c) Tidak kurang daripada separuh (1/2) ahli Jawatankuasa Kerja meletakkan jawatan.
 - (d) Atas permintaan Jawatankuasa Kerja Pusat
- 13.2 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat tersebut.
- 13.3 Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli-ahli oleh Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.

- 13.4 Korum Mesyuarat Agung Khas adalah tidak kurang daripada satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli atau perwakilan yang berhak mengundi. Tetapi, dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah (1/2) jam dari masa yang telah ditetapkan bagi mesyuarat itu, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidak boleh diadakan.

FASAL 14 JAWATANKUASA KERJA

- 14.1 Ahli Jawatankuasa Kerja adalah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan perkhidmatan mereka adalah secara sukarela. Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja akan memegang jawatannya selama dua (2) tahun.
- 14.2 Semua Ahli Jawatankuasa di mana-mana peringkat, tidak kira samada dipilih atau dilantik, akan memegang jawatannya sehingga tamat penggal penuhnya jika beliau mencapai had umur.
- 14.3 Jawatankuasa Kerja Pusat
- Jawatankuasa Kerja Pusat terdiri daripada seorang Presiden, seorang Timbalan Presiden, dua (2) hingga enam (6) orang Naib Presiden, seorang Setiausaha Agung Kehormat, seorang Penolong Setiausaha Agung Kehormat, seorang Bendahari Kehormat, sembilan (9) orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Pusat dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 14.4 Jawatankuasa Kerja Negeri
- Jawatankuasa Kerja Negeri terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, dua (2) hingga enam (6) orang Naib Pengerusi, seorang Setiausaha Kehormat, seorang Penolong Setiausaha Kehormat, seorang Bendahari Kehormat, enam (6) orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Negeri dan dua (2) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Negeri.
- 14.5 Jawatankuasa Kerja Daerah
- Jawatankuasa Kerja Daerah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, dua (2) hingga enam (6) orang Naib Pengerusi, seorang Setiausaha Kehormat, seorang Penolong Setiausaha Kehormat, seorang Bendahari Kehormat, lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Daerah.
- 14.6 Jawatankuasa Kerja Cawangan
- Jawatankuasa Kerja Cawangan terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, dua (2) hingga enam (6) orang Naib Pengerusi, seorang Setiausaha Kehormat, seorang Penolong Setiausaha Kehormat, seorang Bendahari Kehormat, lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.

FASAL 15 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA KERJA

15.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Pusat

- (a) Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan kerja Jawatankuasa Kerja Pusat.
- (b) Mengiktiraf penubuhan Pertubuhan Belia di peringkat Negeri, Daerah dan Cawangan mengikut peruntukkan dalam perlembagaan, memerhati serta mengawal perjalanan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah dan Cawangan.
- (c) Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas.
- (d) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan Jawatankuasa Kerja Pusat termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang diperiksa dan disahkan.
- (e) Berkuasa memberhentikan atau memecat keahlian Pertubuhan Belia.
- (f) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan dan memutuskan segala rayuan samada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri, Daerah atau Cawangan.
- (g) Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan Perlembagaan.
- (h) Memilih ahli-ahli bagi mewakili Pertubuhan Belia dalam sebarang kumpulan, jemaah atau majlis mesyuarat dan sebagainya.
- (i) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa Kerja Pusat berkuasa melantik gantian untuk memenuhi kekosongan itu sehingga tamat penggal.
- (j) Jawatankuasa Kerja Pusat berhak memberhentikan sesesuai aktiviti di peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan sekiranya mendapati aktiviti tersebut melanggar Perlembagaan atau boleh memundaratkan Pertubuhan Belia.
- (k) Jawatankuasa Kerja Pusat berhak membekukan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau cawangan dan seterusnya mengambil alih tanggungjawab serta segala bentuk hartanya sekiranya mendapati pertubuhan tersebut melanggar Perlembagaan atau boleh memundaratkan Pertubuhan Belia.
- (l) Jawatankuasa Kerja Pusat berhak melantik ahli-ahli Pertubuhan untuk menguruskan segala urusan Pertubuhan yang dibekukan dan melakukan penstrukturan semula Pertubuhan tersebut dalam tempoh enam (6) bulan.
- (m) Memantau dan menyelia Pertubuhan peringkat Negeri, Daerah dan Cawangan dari segi mesyuarat, aktiviti dan pelaksanaan segala dasar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat.
- (n) Berhak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja peringkat Daerah dan Cawangan.

15.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Negeri

- (a) Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan kerja Jawatankuasa Kerja Negeri.
- (b) Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas.
- (c) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan di peringkat Negeri termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.
- (d) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan Daerah atau Cawangan dan memutuskan segala rayuan samada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa Daerah atau Cawangan.
- (e) Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan Perlembagaan.
- (f) Memilih ahli-ahli bagi mewakili Pertubuhan Belia dalam sebarang kumpulan, jemaah atau majlis mesyuarat dan sebagainya.
- (g) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa Kerja Negeri berkuasa melantik gantian untuk memenuhi kekosongan itu sehingga tamat penggal.
- (h) Memantau dan menyelia Pertubuhan peringkat Daerah dan Cawangan dari segi mesyuarat, aktiviti dan pelaksanaan segala dasar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atau Negeri.
- (i) Berhak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja peringkat Daerah dan Cawangan.

15.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Daerah

- (a) Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan kerja Jawatankuasa Kerja Daerah.
- (b) Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas.
- (c) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan di peringkat Daerah termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.
- (d) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan Cawangan dan memutuskan segala rayuan samada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- (e) Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan lain atas hal-hal yang sesuai dengan Perlembagaan.
- (f) Memilih ahli-ahli bagi mewakili Pertubuhan Belia dalam sebarang kumpulan, jemaah atau majlis mesyuarat dan sebagainya.

- (g) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Daerah meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa Kerja Daerah berkuasa melantik gantian untuk memenuhi kekosongan itu sehingga tamat penggal.
- (h) Memantau dan menyelia Pertubuhan peringkat Cawangan dari segi mesyuarat, aktiviti dan pelaksanaan segala dasar yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat Negeri atau Daerah.
- (i) Berhak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kerja peringkat Cawangan.

15.4 Tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Cawangan

- (a) Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk mengemaskan kerja Jawatankuasa Kerja Cawangan.
- (b) Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas.
- (c) Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan satu laporan lengkap bagi menerangkan perjalanan di peringkat Cawangan termasuk maju mundur, kekuatan dan kelemahan serta Penyata Kewangan yang telah diperiksa dan disahkan.
- (d) Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit di kalangan ahli-ahli dan memutuskan segala rayuan samada daripada ahli-ahli atau Ahli Jawatankuasa Cawangan.
- (e) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan meninggal dunia atau meletakkan jawatan, Jawatankuasa Kerja Cawangan berkuasa melantik gantian untuk memenuhi kekosongan itu sehingga tamat penggal.
- (f) Melaksanakan segala dasar atau keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, Negeri atau Daerah.

FASAL 16 TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA KERJA

16.1 Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat

16.1.1 Presiden:

- (a) Mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat.
- (b) Menandatangani cek-cek Pertubuhan Belia Pusat bersama-sama dengan Bendahari Kehormat atau Setiausaha Agung Kehormat.
- (c) Mengawasi segala pentadbiran dan pengurusan Pertubuhan di peringkat Pusat, Negeri, Daerah dan Cawangan.
- (d) Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Pusat.

- (e) Berkuasa untuk melantik Pegawai Perhubungan Ibu Pejabat di setiap Negeri. Perlantikan ini adalah pada bila-bila masa sahaja dan tempoh jawatan tersebut adalah terpulang kepada keputusan Presiden sendiri. Tugas Pegawai Perhubungan Ibu Pejabat ialah untuk membantu dan memberi nasihat dalam hal penubuhan cawangan-cawangan baru di negeri yang berkenaan, menjadi sebagai Pengerusi Mesyuarat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, Daerah dan Negeri berkenaan, menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh Cawangan, Daerah dan Negeri berkenaan. Perkhidmatan mereka adalah secara sukarela.
- (f) Berkuasa untuk melantik Setiausaha Eksekutif dan kakitangan Pusat yang dibayar gaji tetap dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa Pusat. Tempoh dan tugas jawatan tersebut terpulang kepada keputusan Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat. Setiausaha Eksekutif Pusat adalah bertanggungjawab kepada Presiden atas semua perkara Pertubuhan Belia; menguruskan Pendaftaran Cawangan-cawangan, Daerah dan Negeri, dan menyimpan sijil pendaftaran masing-masing; menyimpan rekod-rekod aktiviti Negeri, Daerah dan Cawangan.

16.1.2 Timbalan Presiden:

Membantu Presiden menjalankan tugas-tugasnya dan memangku tugas-tugas Presiden dalam masa ketiadaannya. Apabila Presiden meletakkan jawatan atau meninggal dunia, Timbalan Presiden memegang Jawatan Presiden dengan automatik sehingga pemilihan pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat yang baru. Jawatankuasa Kerja Pusat akan melantik seseorang daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat untuk memegang jawatan Timbalan Presiden sehingga pemilihan Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pusat yang baru.

16.1.3 Naib Presiden:

Membantu Presiden dan Timbalan Presiden menjalankan tugas-tugasnya semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden.

16.1.4 Setiausaha Agung Kehormat:

- (a) Bertanggungjawab kepada Presiden atas semua perkara perhubungan dalaman dan luaran Pertubuhan Belia.
- (b) Menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat serta membuat catitan minit mesyuarat.
- (c) Menyimpan dan mengemaskini daftar ahli Pertubuhan Belia.
- (d) Menandatangani cek-cek Pertubuhan Belia Pusat bersama-sama dengan Presiden atau Bendahari Kehormat Pusat.
- (e) Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan pelaporan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Belia.

- (f) Mengemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam masa enam puluh (60) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan atau sekiranya tiada Mesyuarat Agung Tahunan, 60 hari selepas berakhirnya setiap tahun calendar, penyata tahunan Pertubuhan Belia sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 22, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.
- (g) Bertanggungjawab memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat apabila ada permintaan seperti tercatat dalam fasal 17.2.
- (h) Bertanggungjawab memanggil Mesyuarat Agung Khas apabila ada permintaan seperti tercatat dalam fasal 13.1(b)

16.1.5 Penolong Setiausaha Agung Kehormat:

Membantu Setiausaha Agung Kehormat menjalankan tugas-tugasnya dan memangku jawatan Setiausaha Agung Kehormat semasa ketiadaannya.

16.1.6 Bendahari Kehormat:

- (a) Menguruskan hal berkaitan kewangan Pertubuhan Belia.
- (b) Menyimpan dan mengemaskini semua buku kira-kira dan rekod kewangan Pertubuhan Belia dengan teratur.
- (c) Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Pertubuhan Belia bagi setiap Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat dan Mesyuarat Agung Tahunan.
- (d) Menandatangani cek-cek Pertubuhan Belia Pusat bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha Agung Kehormat.
- (e) Mengutip semua jenis yuran atau bayaran yang dikenakan daripada ahli Pertubuhan Belia.

16.1.7 Ahli Jawatankuasa:

- (a) Membantu dalam pentadbiran dan pengurusan Pertubuhan Belia secara keseluruhannya.
- (b) Memastikan Jawatankuasa Kecil yang dipengeruskannya melaksanakan aktiviti dan fungsinya.

16.2 Tugas-tugas Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri, Daerah dan Cawangan:

16.2.1 Pengerusi:

- (a) Mepengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- (b) Menandatangani cek-cek bersama dengan Bendahari Kehormat atau Setiausaha Kehormat.
- (c) Mengawasi segala pentadbiran dan pengurusan di peringkat Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing.

- (d) Pengerusi Jawatankuasa Kerja Negeri berkuasa melantik dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Kerja Negeri.

16.2.2 Timbalan Pengerusi:

Membantu Pengerusi menjalankan tugas-tugasnya dan memangku tugas-tugas Pengerusi dalam masa ketiadaannya. Apabila Pengerusi meletakkan jawatan atau meninggal dunia, Timbalan Pengerusi memegang Jawatan Pengerusi dengan automatik sehingga pemilihan pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baru. Jawatankuasa Kerja akan melantik seseorang daripada Ahli Jawatankuasa Kerja untuk memegang jawatan Timbalan Pengerusi sehingga pemilihan Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baru.

16.2.3 Naib Pengerusi:

Membantu Pengerusi dan Timbalan Pengerusi menjalankan tugas-tugasnya semasa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

16.2.4 Setiausaha Kehormat:

- (a) Bertanggungjawab kepada Pengerusi atas semua perkara perhubungan dalaman dan luaran Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan.
- (b) Menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja serta membuat catitan minit mesyuarat.
- (c) Menandatangani cek-cek Pertubuhan Belia Pusat bersama-sama dengan Pengerusi atau Bendahari Kehormat.
- (d) Menguruskan persediaan, pelaksanaan dan pelaporan Mesyuarat Agung Tahunan peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan.
- (e) Menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan semua buku dan surat.
- (f) Mengemukakan salinan minit mesyuarat kepada Ibu Pejabat dalam tempoh dua (2) minggu selepas mesyuarat diadakan.

16.2.5 Penolong Setiausaha Kehormat:

Membantu Setiausaha Kehormat menjalankan tugas-tugasnya dan memangku jawatan Setiausaha Kehormat semasa ketiadaannya.

16.2.6 Bendahari Kehormat:

- (a) Menguruskan hal berkaitan kewangan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing.
- (b) Menyimpan dan mengemaskini semua buku kira-kira dan rekod kewangan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing dengan teratur.

- (c) Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing bagi setiap Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Mesyuarat Agung Tahunan.
- (d) Menandatangani cek-cek Pertubuhan Belia Pusat bersama-sama dengan Pengerusi atau Setiausaha Kehormat.
- (e) Mengutip semua jenis yuran atau bayaran yang dikenakan daripada ahli Pertubuhan Belia.

16.2.7 Ahli Jawatankuasa:

- (a) Membantu dalam pentadbiran dan pengurusan Pertubuhan Belia peringkat Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing secara keseluruhannya.
- (b) Memastikan Jawatankuasa Kecil yang dipengeruskannya melaksanakan aktiviti dan fungsinya.

FASAL 17 MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA

- 17.1 Jawatankuasa Kerja Pusat, Negeri, Daerah atau Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam tiga (3) bulan. Notis mesyuarat hendaklah dikeluarkan empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 17.2 Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 12 orang Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat boleh memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja diadakan.
- 17.3 Pengerusi Negeri, Daerah atau Cawangan dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 8 orang Ahli Jawatankuasa Kerja boleh memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja diadakan.
- 17.4 Satu perdua (1/2) Ahli-ahli Jawatankuasa kerja adalah korum yang sah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- 17.5 Ahli Jawatankuasa Kerja yang mungkir menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan dikira sebagai meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa Kerja.

FASAL 18 KEWANGAN

- 18.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam Perlembagaan ini, wang Pertubuhan Belia ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan termasuklah perbelanjaan pentadbiran, bayaran gaji, bayaran dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah pemeriksa kira-kira serta perbelanjaan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja. Walau bagaimanapun, wang itu tidak boleh digunakan untuk membayar penalti mana-mana pemegang jawatan atau ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- 18.2 Bendahari kehormat peringkat Pusat, Negeri, Daerah dan Cawangan dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih daripada jumlah berikut pada satu-satu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam akaun Pertubuhan Belia yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja.

| | Peringkat | Had Jumlah Wang Tunai yang dibenarkan (RM) |
|---|------------------|---|
| a | Pusat | 1,000.00 |
| b | Negeri | 500.00 |
| c | Daerah | 500.00 |
| d | Cawangan | 200.00 |

- 18.3 Perbelanjaan yang melebihi jumlah berikut bagi sesuatu masa perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Kerja Pertubuhan Belia peringkat masing-masing.

| | Peringkat | Jumlah Perbelanjaan berlebihan yang memerlukan kelulusan terlebih dahulu (RM) |
|---|------------------|--|
| a | Pusat | 50,000.00 |
| b | Negeri | 10,000.00 |
| c | Daerah | 5,000.00 |
| d | Cawangan | 1,000.00 |

- 18.4 Semua cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan Belia hendaklah ditandatangani bersama oleh salah dua (2) orang Ahli Jawatankuasa kanan, iaitu Presiden atau Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat. Semasa ketiadaan Presiden atau Pengerusi, Timbalan Presiden atau Timbalan Pengerusi merupakan pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan Belia.
- 18.5 Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari Kehormat dan diperiksa oleh juruaudit dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata Kira-kira yang telah diaudit hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.
- 18.6 Tahun kewangan Pertubuhan Belia ini bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 19 JURUAUDIT

- 19.1 Dua (2) orang ahli yang bukan Ahli Jawatankuasa Kerja Pertubuhan Belia boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit di peringkat Pusat, Negeri, Daerah atau Cawangan. Tugas mereka adalah membuat pemeriksaan terhadap penyata kewangan Pertubuhan Belia peringkat Pusat, Negeri, Daerah atau Cawangan dan membuat laporan serta pengesahan penyata-penyata yang berkaitan dengan kewangan Pertubuhan Belia. Mereka akan memegang jawatan selama Dua tahun.
- 19.2 Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik Firma Audit yang bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja auditan ke atas Pertubuhan Belia. Firma Audit yang dilantik seperti ini akan memegang jawatannya sehingga ia meletakkan jawatan ataupun sehingga diberhentikan oleh Mesyuarat Agung Tahunan.
- 19.3 Juruaudit harus memeriksa Kira-kira Pertubuhan Belia Pusat, Negeri, Daerah dan Cawangan-cawangan pada bila-bila masa di dalam tempoh jawatan mereka sekiranya dikehendaki oleh Presiden dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat atau Presiden.

FASAL 20 PENASIHAT

20.1 Panasihat Pusat

Dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Pusat yang terdiri daripada orang yang mempunyai kecenderungan dalam pergerakan belia, berkelayakan serta berpengalaman.

20.2 Penasihat Negeri, Daerah atau Cawangan

Dilantik oleh Jawatankuasa Kerja Negeri, Daerah atau Cawangan masing-masing yang terdiri daripada orang yang mempunyai kecenderungan dalam pergerakan belia, berkelayakan serta berpengalaman. Perlantikan ini mesti mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Kerja Pusat terlebih dahulu.

FASAL 21 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, Jawatankuasa Kerja Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini. Jawatankuasa Kerja Pusat boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam perlembagaan ini sekiranya perlu.

FASAL 22 PERTIKAIAN DALAMAN

Adalah menjadi tugas Jawatankuasa Kerja untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul di kalangan ahli-ahli Pertubuhan Belia mengikut prosedur, peraturan atau kaedah dalaman Pertubuhan Belia.

FASAL 23 PENTADBIR HARTA BENDA DAN PEMEGANG AMANAH

23.1 Semua harta benda tetap yang dimiliki Pertubuhan Belia selepas 1 Jun 2008 hendaklah didaftarkan atas nama Pertubuhan Belia. Pemegang jawatan kanan semasa dalam Jawatankuasa Kerja iaitu Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat hendaklah dilantik menjadi Pentadbir Harta Benda. Mereka akan menjalankan tugas sebagai Pentadbir Harta Benda selagi mereka memegang jawatan berkenaan di dalam Pertubuhan Belia. Segala pindaan milik mestilah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, Daerah atau Negeri berkenaan dan kemudiannya diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat. Jawatankuasa Kerja Pusat berhak menjual atau memindah milik harta benda tetap Cawangan, Daerah atau Negeri sekiranya harta benda tetap tersebut mengalami kerugian, hutang yang tidak dapat diselesaikan oleh Cawangan, Daerah atau Negeri berkenaan.

23.2 Bagi harta benda yang diamanahkan kepada pemegang amanah sebelum 31 Mei 2008, maka tiga (3) orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan Belia. Harta benda tetap kepunyaan Pertubuhan Belia akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani satu Surat Amanah (Deed of Trust).

23.3 Pentadbir Harta Benda atau Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindah hakmilik harta kepunyaan Pertubuhan Belia dengan tidak mendapat kelulusan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Belia.

- 23.4 Seseorang Pemegang Amanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung Tahunan oleh sebab uzur, penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana sebab lain yang mengakibatkan beliau tidak dapat menjalankan tugasnya. Pemegang Amanah yang baru boleh dilantik bagi menggantikan Pemegang Amanah tersebut melalui Mesyuarat Agung Tahunan.
- 23.5 Sekiranya Bahagian Negeri, Daerah dan Cawangan dibubarkan mengikut fasal 28 Perlembagaan ini, maka semua harta benda tetap kepunyaan Bahagian Negeri, Daerah dan Cawangan berkenaan akan terus menjadi milikan Jawatankuasa Kerja Pusat Pertubuhan Belia.

FASAL 24 KAD KEAHLIAN

Setiap ahli mempunyai kad keahlian Pertubuhan Belia yang sah yang hanya dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Pertubuhan Belia.

FASAL 25 PENGUNDIAN

- 25.1 Hanya ahli Pertubuhan Belia yang telah menjelaskan yurannya sebelum atau pada 31 Disember tahun sebelum tahun pilihanraya berhak untuk mengundi, diundi dan menjadi perwakilan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- 25.2 Sekiranya keputusan pengundian didapati seri, maka Pengerusi Mesyuarat berhak menggunakan undinya sebagai undi penentuan.
- 25.3 Semua kertas undi boleh dikumpul dan diperiksa oleh dua (2) orang pemeriksa yang akan dilantik daripada ahli-ahli Pertubuhan Belia dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 26 PINDAAN PERLEMBAGAAN

- 26.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas.
- 26.2 Permohonan untuk mengubah atau meminda Perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan mesyuarat yang memutuskan perihal perubahan atau pindaan tersebut. Perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan ini tidak boleh dikuatkuasakan selagi tidak mendapat kelulusan bertulis Pendaftar Pertubuhan Belia.

FASAL 27 LARANGAN

- 27.1 Segala bentuk perjudian dan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang Malaysia adalah dilarang dilakukan dalam mana-mana premis Pertubuhan Belia.
- 27.2 Pertubuhan Belia tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang difinasi di dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- 27.3 Pertubuhan Belia ini tidak boleh menjalankan loteri samada dikhaskan kepada ahli-ahli Pertubuhan Belia atau tidak, atas nama Pertubuhan Belia atau pemegang-pemegang jawatan tanpa kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan dan pihak berkuasa.

- 27.4 Pertubuhan Belia tidak boleh terlibat dalam mana-mana kegiatan politik atau parti politik, atau bergabung atau mengadakan hubungan dengan apa jua parti politik dan menggunakan nama Pertubuhan Belia dalam apa jua isu-isu politik.

FASAL 28 PEMBUBARAN

28.1 Pembubaran Pertubuhan Belia

- 28.1.1 Pertubuhan Belia ini tidak boleh dibubarkan dengan persetujuan tidak kurang daripada dua pertiga ($\frac{2}{3}$) daripada jumlah perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Khas yang dipanggil untuk tujuan tersebut.
- 28.1.2 Sekiranya Pertubuhan Belia ini hendak dibubarkan dengan cara yang disebut di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan Belia yang sah dari segi undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang atau harta benda (aset) yang tinggal hendaklah diurus mengikut cara yang dipersetujui oleh Mesyuarat Agung Khas tersebut.
- 28.1.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran tersebut.

28.2 Pembubaran Bahagian Negeri

- 28.2.1 Jawatankuasa Kerja Pusat berkuasa membubarkan Bahagian Negeri jika:
- (a) Bilangan cawangan yang sah kurang daripada sepuluh (10) cawangan dalam masa enam (6) bulan berturut-turut.
 - (b) Jawatankuasa Kerja Negeri tidak mematuhi Perlembagaan atau keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat atau difikirkan bersalah oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atas sebab perbuatan yang merosakkan reputasi Pertubuhan Belia.
- 28.2.2 Keputusan membubarkan Bahagian Negeri hendaklah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat. Jika keputusan pembubaran yang disebut dalam fasal 28.2.1(b) di atas, maka satu notis tiga puluh (30) hari harus diberikan kepada Bahagian Negeri berkenaan dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan.
- 28.2.3 Bahagian Negeri tidak boleh menjalankan aktiviti mulai dari tarikh perintah pembubaran kecuali urusan berkenaan dengan pembubaran. Negeri yang muskil atas perintah pembubaran boleh merayu secara bertulis kepada Mesyuarat Agung Tahunan Pusat dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Walaupun rayuan telah dibuat, namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga ditarik balik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Pusat. Dalam keadaan yang sedemikian, Jawatankuasa Kerja Pusat boleh melantik satu Jawatankuasa Pengurus untuk menguruskan hal-hal Bahagian Negeri sementara rayuan dipertimbangkan.

28.2.4 Jika satu Bahagian Negeri dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.2.1(a), maka Jawatankuasa Kerja Pusat hendaklah memindahkan cawangan-cawangan yang sedia ada kepada Negeri yang hampir sekali manakala jika Bahagian Negeri dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.2.1(b), maka ahli-ahli akan berhenti menjadi ahli Pertubuhan Belia.

28.2.5 Adalah menjadi tanggungan kepada Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari kehormat bagi Negeri yang dibubarkan menyerahkan segala buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

28.3 Pembubaran Bahagian Daerah

28.3.1 Jawatankuasa Kerja Pusat berkuasa membubarkan Bahagian Daerah jika:

- (a) Bilangan cawangan yang sah kurang daripada lima (5) cawangan dalam masa enam (6) bulan berturut-turut.
- (b) Jawatankuasa Kerja Daerah tidak mematuhi Perlembagaan atau keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat atau difikirkan bersalah oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atas sebab perbuatan yang merosakkan reputasi Pertubuhan Belia.

28.3.2 Keputusan membubarkan Bahagian Daerah hendaklah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat. Jika keputusan pembubaran yang disebut dalam fasal 28.3.1(b) di atas, maka satu notis tiga puluh (30) hari harus diberikan kepada Bahagian Daerah berkenaan dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan.

28.3.3 Jawatankuasa Kerja Daerah tidak boleh menjalankan aktiviti mulai dari tarikh perintah pembubaran kecuali urusan berkenaan dengan pembubaran. Daerah yang muskil atas perintah pembubaran boleh merayu secara bertulis kepada Mesyuarat Agung Tahunan Pusat dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Walaupun rayuan telah dibuat, namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga ditarik balik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Pusat. Dalam keadaan yang sedemikian, Jawatankuasa Kerja Pusat boleh melantik satu Jawatankuasa Pengurus untuk menguruskan hal-hal Bahagian Daerah sementara rayuan dipertimbangkan.

28.3.4 Jika satu Bahagian Daerah dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.3.1(a), maka Jawatankuasa Kerja Pusat hendaklah memindahkan cawangan-cawangan yang sedia ada kepada Daerah yang hampir sekali manakala jika Bahagian Daerah dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.3.1(b), maka ahli-ahli akan berhenti menjadi ahli Pertubuhan Belia.

28.3.5 Adalah menjadi tanggungan kepada Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari kehormat bagi Daerah yang dibubarkan menyerahkan segala buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

28.4 Pembubaran Cawangan

28.4.1 Jawatankuasa Kerja Pusat berkuasa membubarkan Cawangan jika:

- (a) Bilangan ahli-ahli yang sah di dalam cawangan kurang daripada tiga puluh (30) orang dalam masa enam (6) bulan berturut-turut.

- (b) Jawatankuasa Kerja Cawangan tidak mematuhi Perlembagaan atau keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat atau difikirkan bersalah oleh Jawatankuasa Kerja Pusat atas sebab perbuatan yang merosakkan reputasi Pertubuhan Belia.

28.4.2 Keputusan membubarkan Cawangan hendaklah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat. Jika keputusan pembubaran yang disebut dalam fasal 28.4.1(b) di atas, maka satu notis tiga puluh (30) hari harus diberikan kepada Cawangan berkenaan dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan.

28.4.3 Jawatankuasa Kerja Cawangan tidak boleh menjalankan aktiviti mulai dari tarikh perintah pembubaran kecuali urusan berkenaan dengan pembubaran. Cawangan yang muskil atas perintah pembubaran boleh merayu secara bertulis kepada Mesyuarat Agung Tahunan Pusat dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Walaupun rayuan telah dibuat, namun perintah pembubaran masih berkuatkuasa sehingga ditarik balik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Pusat. Dalam keadaan yang sedemikian, Jawatankuasa Kerja Pusat boleh melantik satu Jawatankuasa Pengurus untuk menguruskan hal-hal Cawangan sementara rayuan dipertimbangkan.

28.4.4 Jika satu Cawangan dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.4.1(a), maka Jawatankuasa Kerja Pusat hendaklah memindahkan ahli-ahli yang sedia ada kepada Cawangan yang hampir sekali manakala jika Cawangan dibubarkan kerana sebab yang disebut dalam fasal 28.4.1(b), maka ahli-ahli akan berhenti menjadi ahli Pertubuhan Belia.

28.4.5 Adalah menjadi tanggungan kepada Pengerusi, Setiausaha Kehormat dan Bendahari kehormat bagi Cawangan yang dibubarkan menyerahkan segala buku-buku, rekod-rekod, wang dan lain-lain harta yang dimiliki kepada Jawatankuasa Kerja Pusat.

FASAL 29 PERKARA AM

- 29.1 Wilayah Persekutuan dianggapkan sebagai satu Negeri dan kawasan pentadbiran Jabatan Belia dan Sukan di dalamnya dianggap sebagai Daerah.
- 29.2 Segala kutipan derma yang dijalankan oleh Bahagian Negeri, Daerah dan Cawangan daripada orang ramai mesti mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Kerja Pusat terlebih dahulu.

FASAL 30 TAFSIRAN

- 30.1 Jawatankuasa Kerja Pusat boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan bila mustahak, memutuskan perkara yang tidak terkandung dalam Perlembagaan ini.
- 30.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam Mesyuarat Agung Tahunan Pusat, keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga dinafikan oleh keputusan Mesyuarat Agung Tahunan Pusat.